

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 04 MEI 2005, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 3

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 50-100510
Dato' Hamzah bin Zainudin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha kepimpinan negara untuk menonjolkan sebuah negara Islam yang berdaulat dan mempunyai ciri-ciri "good governance" Kerajaan yang terbuka, telus dan bertanggungjawab sesuai dengan slogan Cemerlang, Gemilang dan Terbilang.
2. 21-100225
Datin Naomi Chong Set Mui minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah jenis produk pertanian atau industri asas tani yang telah dikenal pasti setakat ini oleh Kementerian untuk dilaksanakan secara komersil di Sabah selaras dengan pelan YAB. Perdana Menteri untuk menjadikan pertanian sebagai enjin ketiga ekonomi negara.
3. 4-100550
Datin Paduka Jaya Partiban minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah keadaan sebenar yang berhubung dengan dasar Kerajaan yang menyatakan langkah-langkah bersesuaian akan diambil bagi meningkatkan ekuiti milik masyarakat India kepada 3% menjelang tahun 2010 dalam kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8). Apakah langkah-langkah yang telah diambil dan sekiranya tidak ada, apakah yang menyebabkan kelewatan dalam mencapai matlamat ini.
4. 18-100486
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan seterusnya di dalam menghalang ekonomi negara daripada mencapai tahap "meltdown" memandangkan ada laporan yang timbul baru-baru ini menyatakan semakin banyak syarikat gulung tikar akibat tidak mampu untuk menanggung perbelanjaan mereka.

5. 44-100273
Puan Safinah binti Jusoh minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah hasrat Kerajaan untuk menyeragamkan pentadbiran undang-undang syariah di seluruh negara dan bila agaknya usaha ini akan mula direalisasikan.
6. 52-100569
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah syarikat Petroleum Nasional iaitu Petronas merujuk terlebih dahulu kepada Kerajaan sebelum menerokai kawasan-kawasan minyak baru terutamanya di kawasan yang sensitif bagi mengelakkan isu sempadan antarabangsa.
7. 56-100101
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil untuk menentukan pengimplementasian polisi bekerja dari rumah.
8. 17-100394
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apa maklum balas yang diterima kini dalam Sistem Taksir Sendiri Cukai Pendapatan yang baru dilaksanakan, berapakah peratusan orang ramai yang tidak tahu mengisi borang dengan lengkap, terang dan jelas dan siapakah yang tergolong di dalam kumpulan ini dan apakah bantuan yang patut diberikan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
9. 54-100067
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah pusat-pusat kaunseling bagi ibu tunggal yang akan didirikan di Sarawak dan bilakah pusat-pusat tersebut akan beroperasi sepenuhnya.
10. 68-100165
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah jumlah kontrak yang dapat diselesaikan oleh PMC di Kementerian, khususnya bagi projek membina sekolah di seluruh Malaysia termasuk akaun muktamad (final account).
11. 70-100202
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan Kementerian bagi mengatasi masalah terlalu ramai juruterbang MAS menyertai syarikat penerbangan lain khususnya dari Asia Barat.

12. 72-100592
Dato' Kamarudin bin Ambok minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk membantu pembangunan usahawan-usahawan kecil dan sederhana, terutama di kalangan pembawa teksi yang kini hanya menyewa dan menumpang permit yang sebenarnya dipegang oleh orang lain dan bagaimanakah pula tatacara untuk memastikan permit-permit yang dikeluarkan tidak pula disalahgunakan sehingga membebaskan penyewa permit dan akhirnya membawa kepada penindasan ke atas penumpang.
13. 67-100089
Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah kesan pergolakan pengurusan di dalam syarikat Proton terhadap masa depan syarikat ini terutama di dalam memastikan ia mampu bersaing di persada antarabangsa selepas penerapan konsep AFTA sepenuhnya di dalam industri automobil pada tahun 2009 dan apakah persediaan yang telah dan akan diambil bagi menghadapi situasi tersebut.
14. 14-100428
Tuan Krishnan a/l Maniam minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan di dalam merealisasikan hasrat mencapai gaji minima untuk pekerja-pekerja ladang. Adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk meneliti semula kadar gaji minima RM350 untuk membolehkan kadar ini diselaraskan dengan kadar inflasi dan kuasa pembelian pada masa akan datang.
15. 41-100261
Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan:-
- (a) adakah punca graduan menganggur berkaitan dengan mutu dan kualiti universiti serta pembelajaran tidak mengikut kehendak pasaran; dan
 - (b) apakah cara untuk meningkatkan mutu dan kualiti universiti tempatan supaya graduan kita boleh terus memasuki pasaran pekerjaan.
16. 60-100337
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan:-
- (a) apakah pakar agama dan Majlis Fatwa telah dirujuk apabila amalan ibadah Islam dipergunakan sebagai produk pelancongan contohnya Fiesta Bazar Ramadhan; dan
 - (b) apa buktinya ia amat berkesan dari segi menarik lebih ramai kedatangan pelancong asing ke Malaysia.

17. 47-100313
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan statistik taburan pelajar di IPTA dan IPTS di seluruh negara mengikut kaum dan mengikut negeri asal.
18. 33-100406
Datuk Kalakau @ Kalakan bin Untol minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah peningkatan pelabur asing (FDI) sepanjang tahun ini dan apakah negara-negara yang terlibat. Apakah Kementerian juga mempunyai misi tertentu untuk menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur di Malaysia nanti.
19. 15-100453
Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajjah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-
- (a) apakah tindakan Kerajaan untuk meramaikan lagi doktor-doktor di dalam perkhidmatan Kerajaan yang semakin meruncing; dan
 - (b) apakah benar tentang dakwaan yang mengatakan doktor-doktor asing yang bekerja secara kontrak di negara kita kurang berkelayakan.
20. 7-100209
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah yang diambil setakat ini untuk mengurangkan bilangan import barang-barang pertanian. Sudahkah Kerajaan meminta Kerajaan negeri melonggarkan syarat-syarat kelulusan tanah untuk tujuan pertanian.
21. 62-100126
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyelaraskan kadar pencen minima bagi pesara-pesara Kerajaan termasuk Angkatan Tentera dan Polis mengikut tarif kemiskinan yang ada sekarang.
22. 43-100033
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah Kementerian mempunyai cadangan untuk menambah bilangan pegawai dan kakitangan di Jabatan Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di setiap negeri memandangkan kakitangan yang sedia ada tidak mencukupi.

23. 44-100276
Puan Safinah binti Jusoh minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan:-
- (a) apakah masalah-masalah utama yang dihadapi oleh syarikat Proton; dan
 - (b) sejauh manakah penerimaan pasaran luar negara terhadap kereta nasional Gen-2.
24. 9-100516
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian dan tindakan Kerajaan untuk membanteras gejala rasuah di mana mengikut kenyataan KSN dalam The Star, 8 April 2005 kos perbelanjaan dan cederamata untuk majlis-majlis perpisahan 'farewell' kepada kakitangan Kerajaan yang bersara atau bertukar keluar yang dibuat secara besar-besaran terpaksa diadakan dan ditaja oleh pihak-pihak tertentu sedangkan ia bertentangan dengan arahan yang telah dikeluarkan.
25. 71-100554
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian bercadang untuk melaksanakan sistem pemberian kontrak secara tender kepada kontraktor kecil, memandangkan jumlah mereka yang terlalu ramai dan sudah pastinya menyukarkan proses saringan dan pemilihan kontrak dan ini akan membawa kepada kelewatan pelaksanaan projek terutamanya projek yang mesra rakyat.
26. 70-100183
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah dan tindakan Kerajaan bagi mengatasi masalah 50,000 kontraktor Melayu di seluruh negara yang disifatkan dalam keadaan tenat dan daif berikutan kesukaran mendapatkan projek Kerajaan dan swasta kebelakangan ini.
27. 60-100398
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan antara masalah utama tambatan ringgit ialah Malaysia tertakluk kepada keputusan Amerika Syarikat dan Negara China terhadap mata wang masing-masing. Apakah input Kementerian atau Kerajaan kepada Perbendaharaan kedua-dua negara tersebut dalam hal ini.
28. 54-100052
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil ataupun yang dirancang untuk membanteras kadar jenayah yang telah meningkat terutama sekali di bandar-bandar utama negara.

29. 30-100527
Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian sedar dengan bertambahnya program-program bantuan yang disalurkan di sekolah-sekolah akan menambahkan beban tugas guru sehingga menyebabkan terganggunya tugas pengajaran mereka.
30. 57-100136
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bahawa dalam Program Membawa Balik Pakar ke Tanah Air daripada 311 permohonan yang diluluskan oleh pihak pakar Kementerian, berapakah jumlah pakar yang bekerja di sektor awam dan berapakah pecahan mereka ini.
31. 7-100231
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dapatkah Kementerian memberi peluang kepada orang-orang India di negara ini dalam semua bidang sama seperti yang diberikan kepada golongan bumiputera. Ini adalah kerana lebih 50% orang India adalah orang miskin dan dengan cara ini dapat memberi peluang melibatkan diri dalam bidang perniagaan.
32. 49-100576
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan insentif Kerajaan dalam menggalakkan ternakan ikan dan udang yang difahamkan amat sesuai diternak di hutan paya bakau. Namun akhir-akhir ini kawasan hutan bakau tidak lagi boleh disentuh dan adakah terdapatnya alternatif lain untuk menternak ikan dan udang.
33. 65-100054
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha-usaha terkini Kementerianya membasmi kemiskinan di kalangan nelayan pantai di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.
34. 20-100088
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-
- (a) bilangan guru Bimbingan dan Kaunseling sepenuh masa di sekolah rendah dan menengah pada tahun 2003 hingga 2004; dan
 - (b) adakah Kementerian bercadang menubuhkan satu unit khas dalam usaha meningkatkan fungsi dan peranan guru bimbingan dan kaunseling di peringkat Kementerian, jabatan dan daerah.

35. 38-100380
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan adakah sektor pelancongan di Malaysia turut terjejas ekoran daripada siri keganasan di wilayah-wilayah selatan Thailand.
36. 39-100448
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengapakah pihak Kementerian tidak mewujudkan sesuatu perancangan pembangunan bagi sesebuah kawasan perumahan dengan menitik beratkan keseimbangan infrastruktur awam seperti sekolah dan balai polis agar dapat menampung keperluan dan permintaan awam dari masa ke semasa.
37. 45-100300
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah pencerobohan ke atas kem-kem tentera mengikut negeri antara tahun 2000 hingga 2004.
38. 27-100473
Puan Hajah Che Jam binti Harun minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian terhadap pemilik-pemilik rumah kediaman yang telah menukar statusnya kepada premis perniagaan, restoran, kedai runcit dan lain-lain lagi tanpa kebenaran daripada Kementerian. Bagaimanakah lesennya dapat dikeluarkan dan apakah tindakan Kementerian bagi membetulkan masalah ini.
39. 42-100058
Tuan Tan Cheng Tee minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan tahap keselamatan loji penapisan minyak di Port Dickson dari ancaman pengganas antarabangsa melalui laut. Adakah sistem mengesan dan menghalang serangan pengganas sudah mencukupi untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini daripada berlaku.
40. 20-100112
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan senarai projek-projek yang dirancang bagi membangunkan sektor pertanian dan perikanan dalam RMK-9 bagi penduduk luar bandar khususnya yang melibatkan masyarakat Orang Asli.
41. 33-100399
Datuk Kalakau @ Kalakan bin Untol minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk terus menggilap kecemerlangan pendidikan di negara ini agar menjadi tumpuan dan pilihan pelajar-pelajar antarabangsa. Setakat ini berapakah jumlah kewangan yang telah dibawa masuk melalui Institusi Pengajian Tinggi dan apakah strategi Kementerian dalam Rancangan Malaysia Ke-9.

42. 45-100288
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan universiti-universiti asing yang telah memohon untuk membuka cawangan di negara ini pada masa ini.
43. 19-100366
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bercadang untuk mengurangkan prosedur syarat kelayakan dan birokrasi bagi memohon rumah Projek Perumahan Rakyat(PPR).
44. 22-100251
Dato' Dr. Vijayaratnam a/l Seevaratnam minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah wabak selsema burung (Asian Bird Flu) jika penyakit tersebut berlaku sekali lagi di Malaysia dengan mengambil kira kenyataan oleh pakar-pakar antarabangsa bahawa jangkitannya kali ini akan menjadi begitu tenat.
45. 39-100450
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diusahakan dalam bekerjasama dengan ibu bapa serta guru-guru agar dapat memainkan peranan supaya masalah disiplin di kalangan pelajar-pelajar dapat diatasi dengan lebih berkesan.
46. 53-100201
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan:-
- (a) memandangkan Kerajaan telah bersetuju untuk mengeluarkan permit teksi kepada pemohon persendirian, berapakah jumlah permohonan yang telah diterima dan berapakah pemohon yang berjaya; dan
 - (b) apakah sebab-sebab permohonan yang ditolak. Berikan jumlah mengikut kaum dan pecahan umur.
47. 46-100327
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan statistik graduan yang masih menganggur mengikut jenis bidang pengkhususan dan mengikut universiti (IPTA dan IPTS di luar negeri dan dalam negeri).

48. 40-100048

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-

- (a) adakah Kementerian bercadang untuk melantik Guru-guru Displin Khas di setiap sekolah-sekolah seperti mana kenyataan Menteri Pelajaran di Utusan Malaysia yang bertarikh 28 Februari 2005 di mana guru tidak lagi dibebani urusan pentadbiran; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk menambah formula daripada satu kelas kepada 2 orang guru.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Perdana Menteri** akan mencadangkan:-

“ Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70 (1), Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Kedua Parlimen Kesebelas. ”

1. Y.B. Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh [Pengerusi]
2. Y.B. Tuan Ir. Wong Foon Meng
3. Y.B. Dato' Hamzah bin Zainudin
4. Y.B. Dato' Dr. Vijayaratnam a/l Seevaratnam
5. Y.B. Datuk Benedict Bujang Tembak

2. **Usul dibuat oleh Dato' Hamzah bin Zainudin dan masalah dicadangkan:-**

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesebelas.”

Menyambung semula Perbahasan atas masalah [3 Mei 2005]

3. (D.R. 1/2005) Rang Undang-undang Kawalan **Bacaan Kali**
Pertukaran Wang (Pindaan) 2005 **Yang Kedua**
4. (D.R. 5/2005) Rang Undang-undang Kesalahan-
kesalahan Penerbangan (Pindaan) “
2005

- | | | | | |
|----|----------------|---|------------|-----------------------------------|
| 5. | (D.R. 3/2005) | Rang Undang-undang
Tentera (Pindaan) 2005 | Angkatan | Bacaan Kali
Yang Kedua |
| 6. | (D.R. 28/2004) | Rang Undang-undang
Senjata Kimia 2004 | Konvensyen | “ |
| 7. | (D.R. 7/2005) | Rang Undang-undang
Tambahan (2004) 2005 | Perbekalan | “ |
| 8. | (D.R. 6/2005) | Rang Undang-undang Ahli Parlimen
(Saraan) (Pindaan) 2005 | | “ |
| 9. | (D.R. 2/2005) | Rang Undang-undang
Kerajaan (Pindaan) 2005 | Pelaburan | “ |

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN 2005</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.35	Laporan Tahunan 2003 Lembaga Pelabuhan Kuantan.	4 Mei 2005
ST.36	Laporan Tahunan 2003 Lembaga Pelabuhan Kemaman.	4 Mei 2005
ST.37	Laporan Tahunan 2003 Lembaga Pelabuhan Bintulu.	4 Mei 2005
ST.66	Laporan Tahunan 2003 Lembaga Pelabuhan Kelang.	4 Mei 2005
ST.67	Laporan Tahunan 2003 Lembaga Pelabuhan Johor.	4 Mei 2005
ST.68	Laporan Tahunan 2003 Lembaga Pelabuhan Johor (Tanjung Pelepas).	4 Mei 2005
ST.69	Laporan Tahunan 2003 Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang.	4 Mei 2005